

BAB 7

KAEDAH PERANGKAP KAMERA

*Kamarul Ariffin Kambali@Hambali, Nor Fakhira Fazli,
Atiyya Hazwani Ramli dan Siti Amalina Muhammad Nor*

PENGENALAN

Perangkap kamera merujuk kepada penggunaan kamera yang dicituskan dari jarak jauh secara automatik dengan mengambil apa sahaja gambar yang bergerak di hadapannya. Kebanyakan model perangkap kamera dicituskan oleh sensor inframerah pasif yang dapat mengesan objek yang lebih panas daripada suhu persekitaran seperti haiwan, orang, atau kenderaan yang bergerak di hadapannya. Perangkap kamera paling kerap digunakan untuk menangkap gambar mamalia darat dan burung bersaiz sederhana hingga besar, tetapi juga digunakan untuk mamalia arboreal. Kaedah perangkap kamera mengalami kemajuan yang ketara berbanding dekad yang lalu. Perangkap kamera kini terkenal sebagai kaedah dalam penyelidikan kepelbagaian biologi terutama dalam kajian hidupan liar. Para penyelidik telah menggunakan kaedah perangkap kamera dalam kajian mereka kerana inventori kamera lebih efisien untuk digunakan di lapangan kerana dapat beroperasi selama 24 jam sepanjang hari, dengan merakam gambar dan video.

TUJUAN PERSAMPELAN

Perangkap kamera dapat memberikan data yang tepat mengenai spesies, kelakuan dan populasi. Perangkap ini dapat digunakan untuk membangunkan gambaran keseluruhan komuniti spesies, termasuk bagaimana spesies berinteraksi dengan ruang dan waktu. Perangkap kamera juga digunakan untuk memahami interaksi di antara manusia dengan hidupan liar.

Perkembangan perangkap kamera juga mampu mengirim gambar melalui rangkaian telefon atau satelit dalam waktu yang singkat serta digunakan dalam memerangi pemburuan haram. Alat perisian baharu dan model statistik juga menjadikannya lebih mudah dan cepat untuk mendapatkan maklumat berkualiti tinggi daripada ribuan gambar yang terhasil. Ini dapat meningkatkan pemahaman penyelidik mengenai kesan manusia terhadap hidupan liar, seterusnya membantu dalam membuat keputusan yang lebih baik pada skala kecil dan besar.